

PEMIKIRAN POLITIK DALAM KUMPULAN PUISI
SKRIP ANEH JASNI MATLANI

Oleh
Raymond Majumah
Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA)

PENGENALAN

Pemikiran ialah fikiran atau idea yang wujud daripada golongan intelektual yang telah menggunakan akalnya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya; dan pemikirannya itu disebarluaskan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya (S.Othman Kelantan, 1997; Zabidin Haji Ismail, 2010: 7). Golongan intelektual itu telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyebarkan fikiran atau ideanya. Dalam konteks kajian ini, puisi dilihat sebagai alat penyebaran pemikiran itu. Walau bagaimanapun pengertian pemikiran yang terkandung dalam kajian ini hanya menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan politik sahaja.

Pengertian politik pula adalah berkaitan dengan ilmu (pengetahuan) cara pemerintahan (*Kamus Dewan* 1994). Istilah politik adalah perkataan yang diambil dari bahasa Greek iaitu "polis" yang memberi erti "sebuah kota" atau *a city* (Abdul Rashid Moten 1996; Zabidin haji Ismail, 2010:8). Pengertian umum "polis" bermaksud "pengurusan kenegaraan". Istilah tersebut ada persamaan dengan bahasa latin yang menggunakan perkataan *politicos* atau *politica* yang memberi makna "pengurusan pemerintahan" atau politik (Lukman Thaib 1999; Zabidin Haji Islami, 2010:8). David Eastone berpendapat politik: "*Is the arena in which binding social value are 'allocated' that is, where competing prescriptive for public actions adjudicated and winning are translated into gains or rewards for certain group in the form of governmental policies*" (dlm Abrasian G 1970; Zabidin Haji Islami, 2010:8).

Pemikiran politik merupakan suatu kesatuan yang terjalin antara idea, falsafah, doktrin, konsep dan teori tentang kewujudan institusi negara. Maksudnya, di dalam kerangka yang lebih umum, pemikiran politik merangkumi pemikiran-pemikiran, teori-teori dan nilai-nilai yang merangsang dasar dan perlakuan politik. Ini termasuk teori yang digunakan bagi menerangkan perlakuan politik dan mekanisme bagi mengaturnya (Lukman Thalib, 1999; Zabidin Haji Ismail, 2010:1).

Apa yang pasti, pemikiran politik adalah lontaran idealisme seseorang tokoh atau pemikir politik untuk diketengahkan kepada masyarakatnya dalam proses pembentukan sebuah negara bangsa. Namun idealisme itu tidak semestinya terbanyak kerana idealisme alternatif sentiasa wujud sebagai pilihan terbaik. Kuasa memilih di tangan masyarakat. Mereka berhak membuat pilihan berdasarkan faktor-faktor dalam atau luaran dari segenap aspek seperti persekitaran, tuntutan semasa, mahupun *mood* pada zamannya kerana proses penerimaan sesuatu idealisme politik itu sering dikaitkan dengan kehendak soosiod budaya, agama (kepercayaan) dan tahap pendidikan masyarakat.

Pemikiran politik ini tidak jauh dengan persoalan sosiologi politik seperti yang dijelaskan oleh Tom Bottomore (1983:1), terjemahan Hussain Muhammed, bahawa sosiologi politik adalah kajian mengenai kuasa dalam konteks sosialnya. Apa yang dimaksudkan dengan 'kuasa' di sini ialah keupayaan individu atau sesuatu kelompok sosial untuk melakukan sesuatu bentuk tindakan bagi membuat dan melaksanakan keputusan, atau secara lebih luas lagi untuk menentukan langkah-

langkah bagi membuat keputusan itu, yang sekiranya perlu, berlawanan dengan kepentingan dan malahan terpaksa menghadapi pertentangan daripada individu atau kelompok lain.

Pada awal kurun kesembilan belas, iaitu awal pembentukannya, tema yang sering dirujuk terhadap sosioLOGI politik, adalah akibat sosial, hasil daripada kemunculan demokrasi sebagai satu kerajaan, dan kepentingan politik daripada adanya perkembangan kelas sosial yang wujud berdasarkan industri. Hal ini ditegaskan lagi dengan kuatnya pengaruh bentuk dan kuasa politik itu ke atas masyarakat ataupun pengaruh berbagai unsur sosial ke atas bentuk politik itu. Antara yang berkaitan adalah hal yang berlawanan dengan realiti sosial, iaitu di antara manusia sebagai warganegara – manusia politik yang dikurniakan hak sama rata – dan manusia sebagai seorang anggota masyarakat awam – manusia yang egoistik yang mana suasana kehidupannya adalah ditentukan oleh kepentingan persendirian, oleh kedudukannya dalam sistem ekonomi. Lingkungan pemikiran politik inilah yang akan digunakan untuk menterjemah pemikiran politik dalam kumpulan puisi *Skrip Aneh* oleh Jasni Matlani ini.

JASNI MATLANI DAN PENULIS PUISI SABAH

Jasni Matlani adalah antara penulis genre puisi yang besar di Sabah mutakhir ini, selain mempunyai sekian nama besar lain, antaranya Mohd Zain A.H., Hasyuda Abadi, A. Karim Kadir, dan banyak lagi nama besar yang sangat tersohor di peringkat kebangsaan. (nama penting). Penulis lain yang mesti disebutkan dan tidak kurang hebatnya ialah Abd Naddin Shaiddin, Juri Durabi, Ramzah Dambul (Rem), Ab Saik Dalwis, Ariffin Arif dan Ailin Nor, Siba Nita A.S., Alipah Jambuan, Agus M, N.R. Rahim, Juilis Makujal, Masrani Madun, Anisul Jalil, Mohd Hadie Nor D, A.Rahim Tapah, Jaafar Abdul Wahid, Jasni Yakub, Robby A, Muhsarsafa Kirana Bacho, Elwan Truman, Mohd Azzrone Sarabatin, Oka De dan Armaja @ Arif Osman. Menurut Ja'afar Haji Hamdan, kemunculan penulis yang dahulu dianggap penulis muda, kini semakin memuncak kepengarangannya seperti Jair Sulai, Raymond Majumah, Sahara Jais, Norawi Haji Kata, Mabulmaddin Shaiddin dan ramai lagi, yang telah mencorakkan sastera negeri Sabah. Rem (Ramzah Dambul) dan Mabulmaddin Shaiddin misalnya adalah pemenang Hadiah Sastera Perdana 2012.

Penulis wanita di Sabah juga tidak kurang pentingnya dalam perkembangan puisi tanah air. Apabila menyentuh kepenyairan wanita di Sabah, nama-nama seperti Suhani S, Zaiton Ajamain, Sairah Haji Antin, Rubiah Nordin, Sitti Rahmah G. Ibrahim, Jariah Taha, Oney Latifah Osman, Khathrina Tati Sitaim, Rosnah Radin, Norjannah Mohd. Adnan (sekadar menyebut beberapa nama) yang mempunyai keistimewaan masing-masing. Sementara itu, ada pula sebarisan panjang penulis muda wanita di Sabah. Antaranya Aidah A.R, Luciana Benjamin, Rafizah Mihaldin, Maslian Padil, Merlenny Deen Erwan, R.A.M. Papar, Rafidah Matasan, Diana @ Siti Khatizah Mohd Derin, Maslian Padil, Rosnah Radin, Masyati Mohd Yassin, dan banyak lagi (sekadar menyebut beberapa nama)

Mantan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah, Hamzah Hamdani, ketika memperkatakan ‘Pengucapan Puisi Penulis Sabah dalam Sastera Kebangsaan’ menjelaskan bahawa pengucapan penulis puisi Sabah sentiasa mengikut perkembangan isu sezaman dan kesedaran membina negara merdeka wujud sejak 1950-an sebagaimana sasterawan di Persekutuan Tanah Melayu pada era berkenaan. Menurut Hamzah Hamdani, puisi moden di Sabah bermula pada 1950-an apabila akhbar Borneo Utara diterbitkan dan menyediakan ruangan khas berbahasa Melayu tetapi sajak bercetak bermula dengan ‘Kinabalu’ karya Jewa, diterbitkan dalam majalah ‘Kinabalu Magazine’ pada April 1954.

Kemunculan penyair baru prolifik di Sabah pada tahun 1960-an seperti Amil Jaya (Ismail Abbas), Jamdin B, Madah Aryani, Norman Kamaruddin, Murni S, Ahad, CM Shirul dan Omar Sal; penyair prolifik sekitar 1970-an seperti S Mala, ABM Fajeer, Ismaili Bungsu, Ramli AR, Zaiton Ajamain dan Rubiah Nurdin teruss disuburkan dengan kehadiran penyair Sabah pada dekad 1980-an seperti Matlin Dullah, Hasyuda Abadi, Saibil Madun, Mohd Nor Mualam, HA Zulkhan, A majid Madarin,

Mohd Aliauddin Sarbini dan Anas Ayu manakala dekad 1990-an muncul Jasni Matlani, Abdul Rahim Tapah, Ariffin Arif dan penulis sendiri.

Jasni Matlani juga adalah antara penulis Sabah yang mempelopori dunia penerbitan buku sastera sendiri, bersama-sama Hasyuda Abadi, Dayang Salmah Salam, Marmoh, penulis sendiri dan beberapa orang lagi penulis lain. Jasni Matlani berjuang dalam hal ini dan usaha menerbitkan sendiri kumpulan puisi atau cerpen ini adalah antara bukti pengabdian Jasni Matlani dan para penulis lain dalam dunia penulisan kreatif yang sangat komited di Sabah.

KUMPULAN PUISI SKRIP ANEH

Buku *Skrip Aneh* (SA), Kumpulan Puisi Jasni Matlani diterbitkan oleh Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) pada tahun 2010 (cetakan pertama). Buku yang mempunyai ketebalan 161 halaman, berharga RM20.00, dibahagi kepada empat bahagian. Bahagian Guru Alam, halaman 1 hingga 15 (14 puisi); Bahagian Pesta Politik, halaman 17 hingga 74 (58 puisi); Bahagian Akar Peribadi, halaman 76 – 128 (53); dan Bahagian Lensa Perjalanan, halaman 131 hingga 161 (31 puisi). 161 puisi yang terkandung dalam buku ini boleh dikatakan amat banyak. Tidak mungkin untuk menganalisis kesemua puisi tersebut. Justeru, penulis mengambil keputusan untuk membicarakan puisi-puisi dalam Bahagian Pesta Politik saja, iaitu 58 buah. Bahagian yang mengandungi paling banyak puisi dan bahagian di mana judul kumpulan puisi ini, iaitu *Skrip Aneh*, telah dimasukkan.

Bilangan 58 buah puisi ini juga bukan sedikit. Masih banyak untuk dibincangkan secara terperinci. Justeru itu, penulis akan memilih beberapa puisi untuk dibicarakan secara berfokus. Sesuai dengan tajuk bahagian ini, iaitu *Pesta Politik*, maka penulis mengambil keputusan untuk menggunakan analisis pemikiran politik untuk memperkatakan puisi-puisi yang terkandung dalam bahagian ini, dalam buku *Skrip Aneh*.

PEMIKIRAN POLITIK

Istilah pemikiran politik dalam konteks kajian ini ialah suatu fikiran atau idea yang berhubung kait dengan cita-cita politik individu sekitar masa puisi-puisi ini dihasilkan, yang dipancarkan atau disebarluaskan melalui puisi. Walaupun pemikiran politik lazim terkandung dalam karya ilmiah, tetapi para sarjana sastera berpendapat bahawa pemikiran politik juga wujud dalam karya sastera terutama novel politik (Zabidin Haji Islami, 2010:8). Dan sudah pasti wujud juga dalam puisi.

Sehubungan dengan pemilihan pemikiran politik untuk menganalisis Bahagian Pesta Politik kumpulan puisi *Skrip Aneh* ini, aspek-aspek yang diperhatikan ialah aspek nasionalisme, antikolonialisme dan sosialisme, seperti yang pernah digunakan oleh Zabidin Haji Ismail (1910). Justeru, perbincangan dalam analisis ini dibataskan dan hanya tertumpu kepada persoalan-persoalan berikut:

- i. Adakah wujud pemikiran politik; nasionalisme, antikolonialisme dan sosiolisme dalam 58 buah puisi dalam Bahagian Pesta Politik ini.
- ii. Apakah unsur-unsur yang digunakan penyair bagi membentuk mesej nasionalisme, antikolonialisme dan sosialisme?
- iii. Senario kemunculan nasionalisme, antikolonialisme dan sosiolisme serta penglibatan penyair dalam politik di negeri Sabah, yang akan membantu ke arah kehadiran pemikiran politik dalam 58 buah puisi dalam Bahagian Pesta Politik ini.

PEMIKIRAN POLITIK DALAM BAHAGIAN PESTA POLITIK KUMPULAN PUISI SKRIP ANEH

Secara umum, Jasni Matlani berpandangan bahawa ahli politik mesti melakukan “sesuatu” untuk survival. Kata Jasni Matlani:

"...Untuk hidup, kata mereka, Tuan hanya perlu berfikir tentang Mati dan untuk mati, Tuan hanya perlu berfikir tentang hidup."
(Politik, hlm. 17)

Ahli politik tidak dapat malarikan diri daripada berfikir tentang "kuasa tanpa batas" apabila bercakap berkaitan politik. Kalangan penyair pula menanggap politik secara berbeza, lebih berhati-hati dan membicarakannya secara analogi dan amat halus.

"...kami berbicara tentang politik. Tetapi lawanku adalah seorang penyair. Waktu aku berkata tentang kuasa tanpa batas. Dia berkata tentang kek. Politik katanya harus seperti ini dan dia pun membahagikan kek itu kepada semua yang ada. Tiap-tiap orang pada bahagian-nya. Tiap-tiap orang pada menikmati kelazatannya."

(Politik 2, hlm.18)

Penglibatan dalam politik mempunyai kesan tertentu. Jasni Matlani memberikan analogi kesan tersebut dalam bentuk "Seketul Batu Kering". Menurut Jasni Matlani, "...tanganmu berlumuran darah. Selepas disiat tajam ilang dan dikait sejulur duri." (Seketul Batu Kering, hlm. 19). Malah ada yang sangat teruk, jika pemimpin politik itu disanjung seperti Tuhan. Dalam puisi "Tuhan", Jasni Matlani menganalogikan pemimpin sebagai Tuhan, untuk menyindir pemimpin yang merasakan dirinya sangat berkuasa.

"Akhirnya dia diangkat menjadi Tuhan, kerana inilah permainannya...dia meninggikan dirinya ke langit kerana dia telah menjadi Tuhan. Hanya Tuhan yang mengetahui apa yang ada di atas langit dan di bawah langit"

(Tuhan, hlm. 20)

Menurut Jasni Matlani, pemimpin cenderung kehilangan hati, iaitu sifat prihatinnya setelah menjadi pemimpin. Dalam puisi "Mencari Keharuan" (hlm.21), Jasni Matlani mengatakan: "Aku tidak lagi terharu ketika ada orang yang berpidato tentang kegetiran hidup, kerana sudah ku ketahui bahawa setiap mereka yang berpidato itu itu sebenarnya hanya ingin bersuara dan ingin jadi pahlawan sambil duduk-duduk santai dan minum capucino di hotel lima bintang...berbicara tentang politik, perniagaan, agama, tentang hukum dan wanita...".

ASPEK NASIONALISME

Analisis terhadap pemikiran politik tertumpu pada aspek nasionalisme, walaupun darjah ketinggiannya tidak sekata. Nasionalisme dalam analisis ini bukan lagi melawan penjajah, justeru puisi yang terkandung dalam buku ini ditulis lama selepas kemerdekaan. Nasionalisme di sini merujuk semangat cinta akan negara, yang memerlukan sumbangan seluruh lapisan masyarakat, yang perlu dikaitkan dengan demokrasi. Tahap atau darjah ketinggian nasionalisme itu berbeza mengikut individu manusia dalam sesebuah masyarakat. Begitulah juga nasionalisme yang terdapat dalam puisi-puisi Bahagian Pesta Politik ini, yang sangat sederhana tetapi bertempat. Dalam puisi "Demokrasi", Jasni Matlani mengumpamakan demokrasi seperti pohon yang tumbuh di tengah ladang, dan dibawahnya lanskap rumput yang basah dan kering. Pohon itu tumbuh menanjak ke langit, menjangkau langit dan cekerawala, sebagai analogi hasil kemerdekaan negara ini.

"...itulah hasil kemerdekaan yang menyerap apa sahaja,

di langit dan di bumi demi kekuatannya..."

(Demokrasi, hlm.23)

Persoalan kemerdekaan disebutkan dalam puisi "Pada malam menjelang 31 Ogos yang ke-50". Jasni mempersoalkan tentang pengisian kemerdekaan yang sudah dicapai ini, sambil bertanya, "Selama ini, kau sebenarnya berada di mana dan sedang berbuat apa?" (Pada malam menjelang 31 Ogos ke 50, hlm. 24)

Persoalan nasionalisme ini dikaitkan dengan pemimpin negera, kuasa, hak rakyat jelata dan proses pemilihan menerusi puisi Memilih Pemimpin (hlm. 30), Hak Memilih (hlm.43), Kuasa (hlm. 46), Pada Mencintai Pembangunan (hlm.58) dan Sekawan Burung Pembangunan (hlm.61). Dalam puisi Memilih Pemimpin, Jasni Matlani mengatakan bahawa silap membuat pilihan akan merugikan pengundi atau rakyat sendiri;

"Hari malang telah tiba. Bumi hitam.

Dosa hitam. Permainan hitam"

Demokrasi sedang mendekatkan dirinya di kuburan.

(Memilih Pemimpin, hlm. 30)

Dalam puisi "Kuasa" (hlm.46) pula, Jasni Matlani mengatakan: "...penghuni di negeri itu adalah menakutkan. Menghampirinya saja adalah beban dan kecurigaan besar. Tetapi sekarang? Aku melihat negeri itu berubah Tuhan dan orang-orang lemah sujud memperhamba. Lalu mereka berbalahan dan berbunuhan. Pelasit, hantu dan kelewar berkejaran sampai mati".

Jasni Matlani bercakap mengenai pembangunan dalam dua puisi, iaitu puisi "Pada Mencintai Pembangunan" (hlm.58) dan "Sekawan Burung Pembangunan" (hlm.61). Pembangunan yang disyorkan oleh seseorang dalam puisi Pada Mencintai Pembangunan, yang disifatkannya sebagai "tak ada yang lebih penting daripada pembangunan", tidak lain, hanya retorik saja. Ini kerana menurut "seseorang" itu;

"Sementara kita akur, dan ini pintu masuk kepada segala kekayaan. Sambil melihat pelancong asing berduyun-duyun. Kau hanya perlu bangga dengan negara ini dan sambutlah kedatangan mereka. Lebarkan senyuman dan lupakan segala yang bernama curiga"

(Pada Mencintai Pembangunan, hlm.58)

Jasni Matlani juga melihat pembangunan sebagai mempunyai kesan negatifnya pada masa akan datang. Hal ini sangat jelas menerusi baris-baris puisi berikut: "Burung-burung pembangunan itu adalah makanan dan kehidupan yang tidak akan membuat kami kelaparan dan menderita. Sedikit benar yang menyedari akan hakikat nyata, misalnya tentang malapetaka dan musibah, luka haloba dan matahari suram dan bumi retak (Sekawan Burung Pembangunan, hlm. 61)

ASPEK ANTIKOLONIALISME

Aspek antikolonialisme ini tertumpu kepada soalan kenapa dan bagaimana sikap individu atau kumpulan yang menentang atau memusuhi dasar dan amalan penjajah Inggeris dan Jepun di negara ini, negeri Sabah khususnya. Dalam konteks analisis, sikap individu atau kumpulan itu difokuskan khusus terhadap pengarang tersebut yang mencetuskan pemikiran politik berkaitan aspek antikolonialisme.

Pengarang sebagai seorang sasterawan atau tokoh politik, mempunyai bakat dan kepakaran dalam melahirkan mesej antikolonialisme yang memanipulasikan karya sastera terutamanya genre

novel dalam menyalurkan pemikiran politik kepada masyarakat pembaca. Ini kerana genre novel merupakan sebahagian daripada wadah penyampaian pemikiran politik, khasnya dari antikolonialisme. Namun, dalam analisis ini yang menggunakan genre puisi sebagai bahan kajian, pemikiran politik itu lebih sukar diterapkan. Puisi hanya dapat mengaitkan pemikiran politik dari aspek antikolonialisme itu secara sangat terhad.

Dalam puisi Seseorang yang datang di perkebunan kami (hlm. 74) misalnya, boleh saja ditafsir dari sudut penjajahan. "Seseorang" itu boleh saja orang British atau orang Jepun yang "Dia mengerakkan tangan, tetapi tangan itu juga hanya ada dua...tangan itulah mengembang di hujungnya seperti daun palma yang menampung jari-jemari. Semuanya berbeza saiz, namun masih sepuluh. Kemudian perhatikan kaki lebarnya, menampung tubuh gendut besar yang membawanya melangkah dengan garang seperti jembalang kelaparan". Bukan gambaran fizikal ini yang penting dalam analisis ini, tetapi sikap penulis sebagai wakil masyarakat yang mana "seseorang" itu telah datang. Bahawa masyarakat di sana:

"Dia hendak mencipta dunia lain sebenarnya
di atas perkebunan kami, lalu kemudian tertewa,
dengan suara garau dan menjijikkan. Di benaknya
hanya memikirkan kematian. Tidak ada yang lain,
melainkan kematian yang satu. Ya! Hanya kematian
Yang satu.

(Seseorang yang datang di perkebunan kami, hlm. 74)

Penulis, atau Jasni Matlani yang menulis puisi ini, sebagai wakil degup jantung masyarakat perkebunannya (boleh dirujuk kepada negeri Sabah atau negara Malaysia), melihat bahawa "Seseorang" yang datang itu dengan niat hendak menjajah (Dia hendak mencipta dunia lain sebenarnya di atas perkebunan kami), yang akan melakukan apa saja terhadap masyarakat perkebunan, sehingga ke tahap mengakibatkan kematian anggota masyarakat perkebunan. Dalam hubungan ini, Jasni Matlani melihat penjajah itu adalah pembawa masalah, perosak negara dan pengakibat kemasuhan. Oleh itu perlu ditentang. Perlu dilawan. Di sinilah aspek antikolonialisme itu terserap sebagai pemikiran politik.

Setelah dijajah, terpaksa melawan penjajah sehingga mencapai kemerdekaan. Setelah merdeka, generasi pasca-merdeka tidak pula menghargai kemerdekaan tersebut kerana tidak merasa betapa sukar dan peritnya melawan penjajah, menjadi sebuah negara merdeka. Jasni Matlani melihat perkara ini lalu menulis puisi Satu ingatan kecil kepada anak-anak merdeka:

"...kemerdekaan adalah tanah. Mereka menggengam tanah
dan semangatnya api yang membakar jantung dan jiwa raga.
Kata mereka lagi, kemerdekaan bukan kehilangan tanah, tetapi
mencintai tanah. Mereka menjaga tanah sampai mati atau lepas
dan hidup tak berguna. Ini sejarah dan kau masih muda.
Kau perlukan apa untuk menyatakan kemerdekaan?"

(Satu ingatan kecil kepada anak-anak merdeka, hlm.68)

ASPEK SOSIALISME

Sosialisme merupakan fahaman politik tokoh sesetengah tokoh radikal Melayu yang berhaluan kiri di negara ini, dalam menawarkan satu bentuk pemikiran sosiopolitik alternatif kepada Malaysia khususnya ketika negara dalam kancang kolonial serta *periode* awal pasca merdeka. Sosialisme yang bertunjang kepada idea Karl Marx (1818-1883), telah mengalami banyak perubahan. Secara umum, aspek sosialisme mencakupi persoalan sosiopolitik, budaya dan falsafah sesuatu bangsa. Walau

bagaimanapun falsafah sosialisme lebih dikaitkan dengan sistem pengagihan nilai-nilai material (ekonomi) dalam masyarakat sebagai landasan utamanya (Syed Ahmad Husin 1994; Zabidin Haji Ismail, 2010:91).

Dari segi praktisnya, sosialisme berteraskan pembahagian ekonomi sama rata kepada semua rakyat jelata – "satu untuk semua; semua untuk satu". Ini amat bertentangan dengan amalan kalitalisme yang lebih mengutamakan kaum pemodal atau kaum elitis dan mereka diberi hak menguasai, mengaut dan menggunakan keuntungan, sebaliknya rakyat yang tidak memeliki modal akan menderita, terabai dan ditindas oleh golongan tersebut.

Sosialisme berpendapat amalan kalitalisme di sesebuah negara akan hanya mewujudkan pengagihan kek ekonomi yang tidak adil dan tidak seimbang dalam kalangan rakyat sekali gus melebarkan jurang kemiskinan di antara golongan elit dengan marhaen. Selanjutnya, mereka yakin bahawa apabila wujud ketidakseimbangan ekonomi dalam kalangan rakyat jelata, beberapa kemungkinan masalah utama seperti kepincangan sosial, kerapuhan sistem pentadbiran kerajaan, ketidakstabilan politik akan melanda negara semata-mata berpunca daripada ketidakadilan dalam pengagihan kek ekonomi. Syed Ahmad Husin (1994, Zabidin Haji Ismail, 2010:92) telah menggariskan tiga soal asas untuk meninjau lebih lanjut idea dan program sosialisme, seperti berikut;

- i. Keutamaan diberi kepada "soal ekonomi" iaitu aktiviti manusia yang berkait dengan pengeluaran dan pembahagian barang-barang dan perkhidmatan dalam masyarakat.
- ii. keinginan untuk menghapus sistem ekonomi yang menindas, iaitu apabila manusia mendapat faedah dan keuntungan melalui penindasan ke atas manusia lain.
- iii. Rombakan sistem ekonomi untuk menghapuskan penderitaan serba kekurangan dalam kalangan ahli masyarakat, melalui satu rangka yang lebih sama rata dan melalui perkongsian bersama.

Justeru, tiga aspek ini akan digunakan untuk menganalisis aspek sosiolisme yang terkandung dalam teks kajian ini. Menerusi puisi Tak ada yang tersisa (hlm.26), ekonomo dikuasai oleh "Bapak". Sudah tentu "Bapak" merujuk kepada para pemimpin negara. Menurut Jasni Matlani; "...Bapak berhak mengambilnya. Tanah-tanah daratan dan gunung, hutan dan pulau. Kota dan desa. Segala apa yang tersembunyi di lautan atau dalam hutan...nikmat demokrasi memang begini. Biarkan sahaja anak-anak kami bermain di padang kedaifan. Biarkanlah mereka berjalan di atas jalan tanah kuning yang berdebu. Kami rela. Seperti ketika merelakan jiwa kami merdeka bersama Bapak". Puisi ini semacam pasrah, sehingga rela diambil atau kehabisan segalanya diambil Bapak. Lebih jauh lagi, puisi ini sebenarnya sindiran yang amat tajam, kepada para pemimpin negara yang membolot ekonomi, hasil kemerdekaan negara ini.

KESIMPULAN

Analisis pemikiran politik terhadap Bahagian Pesta Politik kumpulan puisi *Skrip Aneh* oleh Jasni Matlani menerusi tiga aspek utama, iaitu nasionalisme, antinasionalisme dan sosialisme menemukan pelbagai aspek yang dijangkakan akan ditemui dalam konteks politik. Analisis berdasarkan 58 puisi ini mendapati bahawa Jasni Matlani menggunakan puisi untuk menyalurkan pemikiran nasionalisme, antikolonialisme dan sosialisme, berupa idea-idea politik, sindiran, teguran dan bantahan secara halus akan hal-hal politik yang berlaku dalam persekitarannya, khususnya di negeri Sabah.

Pemikiran yang disalurkan ini diyakini Jasni Matlani wajar untuk diketengahkan kepada masyarakat yang berbentuk intisari pengucapan politik yang selari dengan perjuangannya di luar teks kajian, iaitu dunia realiti yang pernah dilaluinya. Perjuangan mengekalkan kemerdekaan jelas disebutkan dalam puisi-puisi yang telah diperkatakan. Begitu juga dengan penentangan terhadap sesuatu isu, dilakukan secara halus dan berhati-hati, meskipun kadang-kadang keras dalam

mengutarakan pendapat. Pengarang menggunakan latar tertentu seperti kebun / perkebunan dan watak tertantu seperti Bapak dan pengarang sendiri sebagai "aku".

Jasni Matlani telah menyampaikanmesej kepada anak muda agar berjuang mengisi dan memperjuangkan kemerdekaan, serta belajar sejarah agar lebih memahami makna kemerdekaan kerana kemerdekaan tidak akan digadai selama-lamanya. Jasni Matlani mempunyai kemauhan untuk membela masyarakat miskin dan daif kerana golongan elit dan bangsawan dikatakan menggunakan kedudukan, pendidikan serta *status-quo* mereka untuk berkompromi dengan pihak kerajaan untuk mendapatkan imbalan ekonomi, kekuasaan, kemegahan dan laluan untuk merebut sesuatu kesempatan.

Jasni matlani juga tidak berpuas-hati dengan keadaan tertentu dalam masuayakat yang diakibatkan oleh suasana dan senerio politik. Apa yang pasti, pemikiran politik ini boleh jadi tatapan dan fahaman politik kepada masyarakat sezaman.

Sekurang-kurangnya, kajian kecil ini dapat mewujudkan kajian berkaitan politik yang khusus tentang politik di Sabah kerana persoalan ini jarang disentuh pengkritik, sebaliknya melihat Jasni Matlani dalam lingkaran Kesusastraan dan Bahasa Melayu di sabah saja. Justeru, hasil kajian ini diharap dapat membantu para penyelidik sastera atau sains politik bagi menambah sumber rujukan.

RUJUKAN

- Jamilah Hj. Ahmad dll (peny.), 1993. *Kiswah Rindu*. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah/Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Japar Ungki (peny.), 1995, *Qiam*. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah/Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Japar Ungki (peny.), 1996. *Kafilah*. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah/Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Jasni Matlani, 2010. Skrip Aneh. Kota Kinabalu. Badan Bahasa dan Sastera Sabah.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif dll (peny.), 2000. *Cahaya*. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah/Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Sidang Penulis Muda Sabah (Terbitan Khas), 2011. Kota Kinabalu. Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
- Bottomore, Tom, 1983. *Sosiologi Politik* (Terjemahan Hussain Mohamed). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wadah, Jld.18, Bil. 2, Ogos 2002. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah.
- Wadah, Jld.19, Bil. 3, Disember 2002. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah.
- Zabidin Haji Ismaili, 2010. *Pemikiran Politik dalam Novel Ahmad Boestamam*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Zaiton Ajamain dll (peny.), 1997. *Mujaddid*. Kota Kinabalu: DBP Cawangan Sabah/Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.